



INDIGENOUS FEST 2019
PERATURAN PERTANDINGAN
BATU SEREMBAN

1. FORMAT PERTANDINGAN

- 1.1 Lima orang peserta bagi satu pasukan
- 1.2 Cara Bermainan

Buah Satu :

Serakkan buah dilantai, ambil satu dan lambung. Sebelum buah yang dilambung jatuh, pungut satu buah dan terus sambut buah yang dilambung tadi dengan tangan yang sama. Letakkan ke tangan kiri. Ulang semula hingga habis buah di lantai dan dengan sekali lambung masukkan buah yang terkumpul di tangan kiri ke tangan kanan.

Buah Dua :

Sama seperti buah satu, cuma pungut dua buah setiap kali dilambung.

Buah Tiga :

Sama juga seperti buah satu dan dua, bezanya sekali lambung pungut satu dan lambung kedua pungut tiga.

Buah Empat :

Sama, cuma pungut keempat-empat buah dengan sekali lambung.

Buah Lima :

Serakkan biasa, ambil 3 buah di tangan kanan dan 2 buah di tangan kiri, lambung satu buah yang di tangan kanan sambil meletakkan ke lantai buah-buah yang ada di kedua-dua tangan dan segera sambut buah yang dilambung. Sekali lagi lambung dan terus pungut semula buah di lantai dengan kedua-dua tangan (dua buah di tangan kiri dan 2 di tangan kanan). Sambut buah yang dilambung. Dan sekali lambung kumpulkan buah ke tangan kanan.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

- 2.1 Satu permainan diberimasa 10 minit untuk kumpul seberapa banyak point.
- 2.2 Setiap satu permainan, seorang pengadil sahaja diperlukan duduk di tengah-tengah.

- 2.3 Semasa bermain, pemain tidak dibenarkan bercakap atau bertanya kepada pemain lain atau pengadil untuk mengetahui pemain telah mati di buah mana. Pemain perlu mengingati di mana pemain telah mati. (Kumpulan boleh menggunakan pemain keenam/simpanan sebagai memperingatkan pemain dan boleh bertanya dengan bahasa isyarat sahaja).
- 2.4 Semasa bermain, pemain boleh mengangkat punggung jika buah yang dilambung agak jauh untuk disambut.
- 2.5 Buah timang anak tidak dikira mati selagi buah lambung tidak jatuh.
- 2.6 Buah lambung tidak boleh terkena pada badan. Jika terkena pada badan, dikira mati.
- 2.7 Semasa bermain, tidak boleh tongkat tangan. Tangan hendaklah dilepaskan ke depan.
- 2.8 Semasa bermain buah tidak boleh terkena lengan baju.
- 2.9 Pemain boleh menukar posisi duduk. Tetapi hendaklah memastikan belum sampai kepada giliran bermain.
- 2.10 Pada masa mengambil buah-buah itu, pemain tidak boleh menyentuh mana-mana buah yang berhampiran.
- 2.11 Pemain hendaklah menyambut buah yang dilambung sebelum buah yang jatuh ke lantai.
- 2.12 Pada setiap peringkat, semua buah dikumpulkan dan disertakan untuk peringkat yang lain.
- 2.13 Dalam pusingan lepas itu, seorang pemain menyambung permainannya di peringkat ia telah melakukan kesalahan.
- 2.14 Mana-mana peserta yang dapat memungut mata yang terbanyak dikira pemenang.
- 2.15 Hukuman dan Larangan (mati)
 - (a) Jika pemain tidak dapat menyambut buah yang dilambung.
 - (b) Ketika memungut buah di lantai, tersentuh buah lain.

- (c) Pada tingkah timbang, ketika menyambut semula ke tapak tangan, jumlah tidak sama.
- (d) Pemain terlupa tahap dia berada ketika menyambung semula.

3. PEMBERIAN MATA DAN PENENTU KEMENANGAN

3.1 Pemberian mata dan penentuan kemenangan adalah berdasarkan format berikut:

- (a) Menang : 2 mata
- (b) Kalah : 0 mata

3.2 Diperingkat liga, jika didapati 2 pasukan atau lebih memperolehi jumlah mata yang sama, maka kaedah berikut akan diambilkira bagi menentukan pemenang.

- 7.2.1 Pasukan yang mempunyai peserta menang tertinggi, jika seri
- 7.2.2 Pasukan yang mempunyai bilangan set menang tertinggi, jika seri
- 7.2.2 Pemenang ditentukan oleh pengadil

Semua pemain mestilah memakai pakaian sukan yang sesuai. Pakaian yang seragam bagi setiap pasukan bertanding adalah digalakkan. Pakaian yang menjolok mata adalah dilarang sama sekali.